

Agensi kerajaan

Kosmo m/s 33 30.10.07

Pengiktirafan antarabangsa yang diterima secara jelas membuktikan bahawa kerajaan Malaysia telah menunjukkan kesungguhan untuk membangunkan OSS dalam sektor awam.

PELAN Induk Perisian Sumber Terbuka (OSS) kini giat digerakkan ke fasa kedua dalam setiap agensi kerajaan di samping membangunkan pakar-pakar yang relevan bagi menyokong perkembangan aplikasi-aplikasi yang dibangunkan.

Untuk memantapkan jangka panjang, agensi kerajaan dijangka menjadi lebih inovatif dalam penggunaan OSS untuk pembangunan aplikasi ICT bagi kegunaan agensi masing-masing.

Bagi memantapkan pelaksanaan OSS, kerajaan pada 18 Julai yang lalu, telah melantik Dataware Sdn. Bhd; sebagai operator Pusat Kecekapan Sumber Terbuka (OSCC) untuk fasa kedua ini.

Bagi fasa ini, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah mengkaji sedalam-dalamnya terhadap hasil yang didapati pada fasa satu dahulu dan berjaya menggariskan beberapa strategi bagi mencapai sasaran untuk fasa baru ini.

Salah satu daripada strategi tersebut ialah memberi penekanan ke atas pembangunan modal insan menerusi penubuhan badan pensijilan OSCC bagi memperkukuhkan lagi standard pensijilan OSS.

Perlu ditekankan bahawa sasaran untuk fasa kedua ini menjuruskan kepada empat kategori utama. Antaranya ialah pembangunan modal insan, pendidikan, kolaborasi komuniti OSS dan implementasi.

Sehubungan itu, apa yang menjadi tumpuan utama ialah untuk memastikan 80 peratus daripada kakitangan teknologi maklumat (IT) kerajaan yang telah dilatih dalam bidang OSS dan mencapai tahap 100 peratus dalam agensi kerajaan yang menggunakan sekurang-kurangnya satu jenis OSS.

Bagi membolehkan matlamat ini dicapai, OSCC kini sedang dibangunkan dan akan melancarkan beberapa produk serta perkhidmatan baru dalam tempoh masa tiga tahun akan datang ini.

Secara kesimpulannya, pengiktirafan antarabangsa yang diterima secara jelas membuktikan bahawa kerajaan Malaysia telah menunjukkan kesungguhan untuk membangunkan OSS dalam sektor awam.

Kini, Pelan Induk Perisian Sumber Terbuka sudah mencecah ke fasa kedua, menunjukkan langkah tersebut telah bergerak ke peringkat seterusnya. Secara tidak langsung, lebih banyak agensi akan mengaplikasikan OSS pada masa akan datang.

Selain itu, pihak kerajaan juga sentiasa memberikan bantuan dan menyalurkan sokongan berterusan dalam industri OSS dan berbekalkan pengalaman yang ditimba ketika di fasa pertama pelan induk, OSS mampu berkembang dengan jayanya dalam sektor awam kelak

Tujuh langkah strategik dalam melaksanakan Pelan Tindakan Inisiatif OSS

1. Membangunkan Pelan Pelaksanaan Teknikal OSS kepada sektor awam
2. Mewujudkan satu badan pentadbiran untuk mentadbir, memantau dan mengawal pelaksanaan OSS
3. Melatih dan membangunkan sumber manusia untuk menyokong implementasi OSS
4. Mempromosi secara kreatif dan inovatif menerusi penyelidikan dan pembangunan bagi mewujudkan persaingan yang sihat
5. Pembangunan dasar dan perundangan yang berterusan bagi menggalakkan penggunaan dan penghasilan OSS
6. Menyediakan insentif bagi memajukan pembangunan penyelesaian OSS
7. Mengoptimalkan sumber dengan menggalakkan perkongsian pintar dengan organisasi-organisasi tertentu



PELAN Induk Perisian Sumber Terbuka menyokong perkembangan aplikasi yang dibangunkan.

Adakah berpuas hati dengan PBT anda? Sekiranya setuju atau tidak boleh mengisi borang maklum balas ini di portal myGovernment www.gov.my

BAHAGIAN A

Negeri:

Nama Pihak Berkuasa Tempatan:

BAHAGIAN B:

Maklumat Responden (sila tandakan)

1. Jantina: Lelaki Perempuan
2. Umur: 18 tahun dan ke bawah
19-54 tahun
55 tahun dan ke atas
3. Tahap Pendidikan:
Sekolah Rendah
Sekolah Menengah
Pendidikan Tinggi
4. Pekerjaan:
Sektor Awam
Sektor Swasta
NGO
Bekerja Sendiri
Lain-lain
Sila nyatakan: _____

BAHAGIAN C:

Maklum Balas Mengenai Kemudahan dan Perkhidmatan yang Disediakan

Persekitaran Pejabat

5. Adakah papan tanda serta tunjuk arah jelas?
Ya Tidak Tiada Papan Tanda/Tunjuk Arah
6. Adakah kemudahan asas yang disediakan di ruang menunggu memuaskan?
Ya Tidak
7. Adakah kemudahan-kemudahan berikut disediakan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas?
- a. Tempat letak kereta khas
Ya Tidak Tidak Pasti
 - b. Susur laluan khas (ramp)
Ya Tidak Tidak Pasti
 - c. Kaunter khas
Ya Tidak Tidak Pasti
 - d. Tandass khas
Ya Tidak Tidak Pasti

Perkhidmatan Kaunter

8. Adakah kaunter perkhidmatan turut dibuka pada masa berikut?
- a. Waktu rehat/tengah hari
Ya Tidak Tidak Pasti
 - b. Selepas waktu pejabat
Ya Tidak Tidak Pasti
 - c. Hujung minggu
Ya Tidak Tidak Pasti
9. Adakah petugas kaunter memberi layanan dengan mesra dan sopan?
Ya Tidak
10. Adakah urusan perkhidmatan di kaunter dilaksanakan dengan cepat?
Ya Tidak
11. Adakah perkhidmatan diberi dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti dalam Piagam Pelanggan?
Ya Tidak Tidak Pasti

Perkhidmatan Yang Diberikan

12. Adakah anda berpuas hati dengan perkhidmatan kebersihan perbandaran (kutipan sampah, pembersihan longkang, tandas awam dan kebersihan taman) yang disediakan?
Ya Tidak

13. Adakah anda berpuas hati dengan perkhidmatan penyelenggaraan kemudahan/infrastruktur (lampu isyarat, lampu jalan, jalan raya, hentian bas) yang disediakan?
Ya Tidak
14. Adakah anda berpuas hati dengan tahap penguatkuasaan peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan?
Ya Tidak
15. Adakah anda berpuas hati dengan urusan permohonan/pembaharuan lesen yang diberikan?
Ya Tidak Tidak Pernah Berurusan
16. Adakah anda berpuas hati dengan urusan permohonan Kelulusan Pelan/Kelulusan Bangunan yang disediakan?
Ya Tidak Tidak Pernah Berurusan

Pengurusan Aduan

17. Adakah saluran aduan tambahan berikut disediakan?
- a. Talian bebas tol
Ya Tidak Tidak Pasti
 - b. Perkhidmatan pesanan ringkas (sms)
Ya Tidak Tidak Pasti
 - c. Hotline
Ya Tidak Tidak Pasti
 - d. Laman web/e-mel
Ya Tidak Tidak Pasti
18. Adakah akuan penerimaan (acknowledgement) aduan dimaklumkan dalam tempoh masa tiga (3) hari bekerja?
Ya Tidak Tidak Pernah Berurusan
19. Adakah anda dimaklumkan mengenai status aduan dari semasa ke semasa?
Ya Tidak Tidak Pernah Berurusan

Laman Web

20. Adakah laman web PBT sentiasa dapat dicapai?
Ya Tidak Tidak Pasti
21. Adakah laman web PBT membantu dalam memudahkan penyampaian perkhidmatan?
Ya Tidak Tidak Pasti
22. Adakah anda berpuas hati dengan perkhidmatan online yang disediakan seperti berikut?
- a. Permohonan
Ya Tidak
Tidak Pernah Berurusan
Tidak Disediakan
 - b. Status semakan/pertanyaan
Ya Tidak
Tidak Pernah Berurusan
Tidak Disediakan
 - c. Pembayaran
Ya Tidak
Tidak Pernah Berurusan
Tidak Disediakan

Panggilan Telefon

23. Adakah panggilan telefon dijawab dalam tempoh tiga (3) deringan/10 saat?
Ya Tidak
Tidak Pernah Berurusan
24. Adakah layanan melalui panggilan telefon memuaskan?
Ya Tidak
Tidak Pernah Berurusan

Cadangan Penambahbaikan (jika ada):